

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/2/JLD12 (23)

Tarikh: 18 April 2014

## **KENYATAAN AKHBAR**

### **KERJASAMA MBPJ, NGO ANJUR PROGRAM GO GO GREEN**

Bersempena dengan Sambutan Hari Bumi Sedunia yang jatuh pada 22 April setiap tahun, GUAN YIN WORLD FOUNDATION dengan kerjasama MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA menganjurkan Karnival GO GO GREEN, SAVE OUR EARTH 2014.

Tema sambutan tahun ini iaitu Green Cities amat tepat ketika dunia menghadapi cabaran perubahan iklim dan Negeri Selangor pula sedang berusaha menangani masalah krisis catuan air dan pembakaran terbuka akibat daripada iklim melampau, manakala majlis berwawasan memajukan PJ sebagai bandaraya hijau berkarbon rendah.

Seiring itu, karnival yang bertemakan “pengurangan karbon dioksida dan penjimatan tenaga” ini, lebih tertumpu untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan awam berkenaan cabaran alam sekitar, pengurangan atau ketiadaan pelepasan gas rumah hijau yang tidak terkawal, dan pembaziran penggunaan tenaga dalam hidup.

Selaras dengan prinsip local agenda 21 Petaling Jaya, inisiatif tanggungjawab korporat seperti yang ditonjolkan oleh GUAN YIN WORLD FOUNDATION sememangnya amatlah dialu-alukan.

Majlis juga berharap organisasi dan masyarakat lain akan turut tampil ke depan bekerjasama dengan MBPJ dalam menganjurkan program CEPA (communication, education and public awareness).

Fokus sambutan dan aktiviti tahun ini adalah tertumpu kepada pengurangan karbon dioksida dan penjimatan tenaga yang sememangnya tumpuan ini adalah selaras dengan aspirasi masyarakat di bawah PJ Sustainable 2030.

Diharapkan aktiviti yang diadakan seperti menunggang basikal mengelilingi bandar Petaling Jaya dan bersenam pada awal pagi ini, serta gotong royong mengutip sampah di pusat bandar seksyen 52 akan dijadikan rutin harian secara berjadual oleh penduduk Petaling Jaya khususnya demi mewujudkan masyarakat yang sihat dari segi - *fizikal, spiritual dan mental*.

Ingin dimaklumkan bahawa laluan basikal dan berjalan kaki sepanjang 6 km mengelilingi pusat bandar seksyen 52 akan disediakan di bawah projek PJ walk dan mengsehalakan jalan-jalan utama menjelang bulan Jun 2014.

Selain itu, adalah menjadi hala tuju utama majlis untuk menukar mod perjalanan daripada kenderaan bermotor kepada green active transportation seperti menunggang basikal dan berjalan kaki dalam perjalanan harian selain daripada rekreasi lipur diri.

Projek ini adalah sebahagian daripada program pengangkutan mampan (sustainable transportation) yang melihatkan 56 km laluan basikal bagi keseluruhan kawasan

Petaling Jaya di mana sehingga kini 13 km telah siap dibina dan sepanjang 16 km lagi dijangka sedang dibina pada tahun ini.

Pihak majlis membelanjakan sejumlah RM 27 juta dalam menguruskan sejumlah 114 ribu tan sampah sepanjang tahun 2013. Ini bermakna sebanyak 4.7 juta tan karbon dioksida dijangka telah dijanakan daripada punca sampah saja.

Dengan mengambilkira jumlah kos pengurusan sampah dan juga sampah yang dikutip, ini bermakna setiap penduduk petaling jaya telah menjanakan 0.59 kg sampah setiap hari dan kos pengurusan yang ditanggung oleh majlis adalah RM 0.19 sekilogram ataupun RM 42 seorang setahun.

Sekiranya kita dapat mengurangkan kuantiti sampah sebanyak 20%, iaitu sasaran sejajar dengan kadar kitar semula kebangsaan menjelang tahun 2020, secara tidak langsung mbpj akan dapat menjimatkan kos pengurusan sampah sebanyak RM 5.4 juta setahun dan seterusnya pengurangan penjana karbon dioksida sebanyak 940 ribu tan.

Pengamalan konsep 3R bukan saja akan membantu MBPJ menjimatkan kos pentadbiran bandar dan mengurangkan karbon dioksida, malah usaha setiap individu pemilik rumah di Petaling Jaya akan dibalas dengan insentif kewangan.

Menerusi 'Our Green Apple Award Winning Scheme', majlis menawarkan rebat cukai taksiran sehingga 100% kepada pemilik rumah mesra alam hijau.

Antara aspek yang dipertimbangkan termasuk 20% rebat bagi inisiatif menjalankan aktiviti kitar semula dan 3R. Dalam erti kata lain, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, 'apart from carrying out our social responsibility towards environment, being green is profitable' memang tepat pada maknanya dan bersesuaian dengan tema karnival hari ini.

Pada hari ini juga, pelancaran kad "go!go!green" akan dibuat yang mana kad ini akan mengalakkan orang ramai untuk mencabar diri sendiri dalam tempoh 21 hari untuk melakukan pelbagai kelakuan baik yang tidak pernah berjaya dilakukan dalam masa 21 hari untuk menggantikan kelakuan buruk.

Perlindungan alam sekitar dan pengurangan karbon haruslah bermula dengan mempraktikkan usaha untuk memupuk tabiat sebegini. cabaran kreatif sebegini diharapkan dapat menarik perhatian orang ramai seterusnya mengambil bahagian dalam cabaran ini.

Disediakan oleh

**Sekretariat Media  
Unit Perhubungan Awam  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,  
twitter : pjcitycouncil, emel : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :  
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019 2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my) Penolong  
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-  
2046035[ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)